

U B517 AAB
MAHATHIR - EKONOMI

KOTA BAHARU, 2 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEADAAN EKONOMI NEGARA YANG SEDANG PULIH SEMULA BERBANDING DENGAN LIMA BULAN DAHULU TELAH MENYEBABKAN PERMINTAAN BAGI KERETA NASIONAL, PROTON SAGA, MENINGKAT DI LUAR JANGKAAN.

KATANYA, BAKAL-BAKAL PEMBELI KINI TERPAKSA MENUNGGU HINGGA TIGA BULAN KERANA RAMAI YANG MAHU MEMBELINYA.

RAKYAT SEKARANG SUDAH MEMPUNYAI KEMAMPUAN KEWANGAN BERBANDING SEMASA NEGARA DILANDA KEMELESETAN.

KETIKA BERUCAP KEPADA BERIBU-RIBU ORANG YANG MENYAMBUK KETIBAAN BELIAU DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA PENGKALAN CHEPA, PERDANA MENTERI BERKATA INI BERBEZA DENGAN PENDAPAT YANG WUJUD SEBELUM INI BAHAWA JUALAN PROTON SAGA BERKURANGAN KERANA RAKYAT TIDAK BERKEMAMPUAN MEMBELINYA DISEBABKAN OLEH KEMELESETAN.

BELIAU BERKATA KEADAAN SEKARANG SUDAH BERUBAH DAN PENJUALAN KERETA NASIONAL SUDAH MENINGKAT DAN SEKALIGUS MENGHAPUSKAN PANDANGAN NEGATIF TERHADAP KERETA KEBANGSAAN ITU. -- LAGI

1509MST 02 10 87

U B518 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 2 KOTA BAHARU

MENGENAI PEMBANGUNAN KELANTAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PUSAT SENTIASA MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA NEGERI INI DENGAN MENGADAKAN PERUNTUKAN YANG BESAR BERBANDING DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN.

KELANTAN DIBERI PERUNTUKAN YANG TINGGI BERBANDING DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN IAITU KURANG SEDIKIT DARIPADA PERUNTUKAN KEPADA SABAH DAN SARAWAK KERANA NEGERI-NEGERI TERSEBUT LEBIH LUAS DAN AGAK KETINGGALAN.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMASA DALAM KEMELESETAN SEKALIPUN KELANTAN DIBERI PERUNTUKAN YANG BESAR SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT YANG DAHAGAKAN PEMBANGUNAN.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BARISAN NASIONAL DAPAT MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN NEGERI YANG KUAT DI KELANTAN SELEPAS KEMENANGAN YANG CEMERLANG DALAM PILIHAN RAYA UMUM PADA TAHUN LEPAS.

KATANYA, KEJAYAAN ITU HASIL TERCAPAI HASIL DARIPADA KERJASAMA DAN PERPADUAN YANG WUJUD DALAM PARTI-PARTI KOMPONEN BN.

BELIAU BERKATA KEJAYAAN CEMERLANG BN DALAM PILIHANRAYA ITU SAMA SEKALI MENOLAK RAMALAN SESETENGAH PIHAK BAHAWA BN AKAN KECUNDANG DALAM PILIHAN RAYA DAN SUKAR MENUBUHKAN SEMULA KERAJAAN DI NEGERI INI. -- BERNAMA

1511MST 02 10 87